

KONSEP KENDIRI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK GOLONGAN REMAJA: MELIHAT SEJAUHMANA GAYA KEPIMPINAN IBU BAPA SEBAGAI MODERATOR

ISHAK MAD SHAH*

Abstrak. Kajian ini bertujuan melihat sejauhmana gaya kepimpinan ibu bapa menjadi moderator kepada hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik remaja. Untuk mencapai objektif kajian ini, seramai 687 orang remaja yang belajar di tingkatan empat dan lima dari beberapa sekolah menengah kebangsaan di Johor Bahru dipilih sebagai subjek kajian. Instrumen *Tennessee Self-Concept Scale* yang dibina oleh Fitts dan Indeks Topologi Amalan Didikan oleh Baumrind digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Data pencapaian akademik diambil dari peperiksaan akhir. Data yang telah terkumpul dianalisis menggunakan statistik deskriptif kecenderungan memusat untuk menganalisis latar belakang subjek kajian. Analisis kesan pemboleh ubah moderator ke atas hubungan pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah terikat telah dilakukan menggunakan statistik infrensi regresi pelbagai. Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan gaya kepimpinan authoritarian dan autoritatif ibu bapa didapati hanya bertindak sebagai pengamal secara signifikan kepada hubungan antara konsep sendiri dan pencapaian akademik golongan remaja. Hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik golongan remaja didapati bersyarat kepada gaya kepimpinan permisif ibu bapa.

Kata kunci: Konsep sendiri, gaya kepimpinan ibu bapa, dan pencapaian akademik

Abstract. The objective of this study is to see parents' leadership style as a moderator for adolescents' self-concept and academic achievement relationship. 687 adolescents who are studying in form four and form five from secondary schools in Johor Bahru have been chosen as research subjects. Fitt's Tennessee Self-Concept Scale and Baumrind Parenting Topology Index were used as research instruments. Academic achievement data had been taken from their final examination results. Descriptive statistic had been used for analysing the research subject demographic's data. The effects of moderator variable on the relationship of independent and dependent variables are analysed by multivariate regression. The result shows the parents' authoritarian and authoritative leadership styles as a predictor for adolescent self-concept and academic achievement relationship. Whereas, the relationship of adolescents' self-concept and academic achievement is conditional to parents' permissive style leadership.

Keywords: Self-concept, parents' leadership style, academic achievement

1.0 PENGENALAN

Ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang terawal dan terdekat berdamping dengan anak-anak. Sebagai agen sosialisasi, mereka bertanggungjawab membimbing anak-anak mereka ke arah kebaikan yang diinginkan. Untuk menjalankan tanggungjawab

* Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia.

tersebut, kaedah yang sering digunakan oleh ibu bapa adalah menerusi gaya kepimpinannya. Gaya kepimpinan ibu bapa di sini adalah merujuk kepada amalan didikan ibu bapa tersebut termasuklah cara memelihara, memberi asuhan, mempraktikkan kawalan, cara berkomunikasi, dan berinteraksi dan sebagainya dengan anak-anak mereka. Ibu bapa memilih dan mengenakan gaya kepimpinan tertentu terhadap anak mereka dengan tujuan dapat mempengaruhi anak-anaknya sama ada dari segi kecekapan sosial, perkembangan kognitif, pembinaan personaliti, proses pembelajaran, dan pencapaian akademik.

Salah satu peranan kepimpinan ibu bapa ialah membentuk konsep sendiri anak-anak mereka. Konsep sendiri merupakan keseluruhan persepsi seseorang terhadap dirinya sendiri sama ada berbentuk deskriptif atau berupa penilaian secara kognitif. Dengan lain perkataan, konsep sendiri adalah proses penerimaan seseorang individu terhadap dirinya sendiri yang terhasil dari pandangan orang lain. Sekiranya seseorang itu menganggap dirinya adalah positif, bermakna tingkah laku dan emosi orang tersebut juga adalah positif. Satu daripada kesan konsep sendiri ialah ke atas pencapaian akademik. Tinggi atau rendahnya pencapaian akademik adalah bergantung kepada positif atau negatifnya tanggapan konsep sendiri seseorang itu terhadap pelajaran.

Banyak penulisan lalu dari pelbagai bidang telah membincangkan perkaitan antara gaya kepimpinan ibu bapa dengan pembentukan konsep sendiri dan pencapaian akademik anak-anak. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut lebih menekankan kepada hubungan kesan-akibat. Kajian yang menjadikan gaya kepimpinan ibu bapa sebagai pemboleh ubah moderator kepada perkaitan antara konsep sendiri dan pencapaian akademik adalah kurang. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat secara empirikal sejauhmana gaya kepimpinan ibu bapa memberi impak kepada hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar remaja. Dengan lain perkataan, untuk konsep sendiri memberi kesan kepada pencapaian akademik adalah tertakluk kepada gaya kepimpinan yang diamalkan ibu bapa.

2.0 KESAN KONSEP SENDIRI KEPADA PENCAPAIAN AKADEMIK REMAJA

Sesetengah sarjana psikologi menggambarkan konsep sendiri sebagai 'pusat personaliti' untuk seseorang mengenal diri sendiri. Mead (1934), antara tokoh terawal membincangkan tentang konsep sendiri, misalnya, telah memberi makna konsep sendiri sebagai hasil dari proses penerimaan seseorang individu terhadap dirinya sendiri berdasarkan pandangan orang lain. Sekiranya seseorang individu itu menerima dirinya secara positif, mereka akan melihat diri mereka sebagai mempunyai sifat-sifat yang positif seperti berkeyakinan, gembira, berkemampuan dan sebagainya. Jersild (1987) pula menyifatkan konsep sendiri sebagai rumpunan semua fikiran dan perasaan, harapan dan khayalan, penalaran dan fantasi seseorang individu terhadap diri sendiri pada masa ini, masa lampau dan masa akan datang serta sikapnya terhadap nilai-nilai dirinya yang menjadi petunjuk bagi memahami kesihatan mental diri seseorang

individu. Individu yang memandang dirinya sihat dikatakan sebagai individu yang memahami dan menerima dirinya.

Mengikut Rogers (1979) pula, konsep sendiri adalah sebagai organisasi dinamik seseorang yang mengandungi persepsi, konsep, nilai, matlamat, dan idea yang menentukan cara seseorang itu patut bertingkah laku berdasarkan fikiran orang lain tentang dirinya. Cooley (1902) telah memperkenalkan teori 'cermin diri' apabila menjelaskan pengertian konsep sendiri. Menurut beliau, konsep sendiri seseorang individu adalah dipengaruhi secara signifikan oleh kepercayaan seseorang itu tentang fikiran orang lain mengenai dirinya. Pengertian Cooley ini sama dengan penjelasan Burns (1975) dan Pope (1988). Secara kesimpulannya, boleh dirumuskan bahawa konsep sendiri adalah pandangan seseorang tentang dirinya yang meliputi kepercayaan, penilaian dan tingkah laku. Dengan lain perkataan, bagaimana seseorang melihat diri sendiri adalah pembalikan tentang pandangan orang lain tentang dirinya.

Konsep sendiri sememangnya tidak dinafikan mempunyai pengaruh yang luas kepada motivasi, emosi, sosial dan psikologikal seseorang. Sebagai 'pusat personaliti', pengaruh konsep sendiri meluas ke sebahagian besar tindak balas individu itu. Hasil sorotan ke atas kajian-kajian lepas telah menemui keputusan yang menunjukkan bahawa salah satu pengaruh besar konsep sendiri adalah kepada pencapaian akademik pelajar (Maqsd dan Rauhani, 1991; Mboya, 1989; Mwamwenda dan Mwawenda, 1987 dan Samuels, 1978). Ini bermakna, seseorang pelajar yang melihat kendirinya secara positif boleh meningkatkan pencapaian akademiknya dan begitulah sebaliknya iaitu pelajar yang menanggapi sendiri secara negatif, yakni tidak pasti tentang dirinya akan mempunyai perasaan tertekan, bimbang, kurang senang hati, bersikap tidak senang dan tidak tetap dan seterusnya akan memperoleh prestasi pencapaian akademik yang lemah.

3.0 KESAN GAYA KEPIMPINAN IBU BAPA KEPADA PENCAPAIAN AKADEMIK

Selain konsep sendiri, ibu bapa yang merupakan unit sosial yang paling hampir dengan anak-anak juga boleh memberi kesan kepada pencapaian akademik anak-anaknya. Gaya kepimpinan ibu bapa yang sememangnya telah diakui luas pengaruhnya ke atas perkembangan kognitif, personaliti, proses pembelajaran dan kecekapan bersosial remaja, juga mampu mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Hal ini disahkan oleh Atan Long (1978) yang menyatakan bahawa ibu bapa adalah teras bagi sesebuah keluarga dan mereka juga merupakan ejen sosialisasi dalam kehidupan anak-anak mereka. Sebagai agen sosialisasi kepada anak-anak, ibu bapa akan bertindak dengan memperlihatkan tingkah lakunya, melalui amalan didikan atau gaya kepimpinan supaya dapat mempengaruhi tindak balas anak-anak terhadap akademik, personaliti, emosi, dan lain-lain perkara.

Penemuan Dornbusch (1987) telah menunjukkan gaya kepimpinan ibu bapa seperti gaya kawalan dan disiplin mempunyai pengaruh yang signifikan dengan pencapaian

akademik anak-anak. Dalam erti kata lain, teknik dan praktik kepemimpinan ibu bapa mempunyai peranan yang penting dalam menentukan prestasi pencapaian akademik anak-anak. Kajian-kajian lain yang juga menemui keputusan yang serupa termasuklah kajian Goh Lee Tsing (1989), Nihira Mink, dan Meyer (1985) dan Anderson (1980). Secara rumusan dapatlah dikatakan bahawa kecerdasan pelajar dalam akademik adalah dipengaruhi oleh gaya kepemimpinan ibu bapa. Ibu bapa yang selalu mengambil bahagian dalam aktiviti yang sama dengan anak-anak, lebih bersifat menyetujui dan berkongsi idea dengan anak-anak, memberi lebih kasih sayang, mempercayai anak-anak dan tidak menghukum secara keterlaluan akan menyebabkan pencapaian akademik anak-anak menjadi baik. Berbanding dengan ibu bapa yang bersikap terlalu melindungi atau terlalu menekan kepada pencapaian anak-anak, sikap mereka akan menurunkan pencapaian akademik anak-anak mereka.

Selain pencapaian akademik, pengaruh kepemimpinan ibu bapa juga berlaku ke atas pembentukan konsep sendiri anak-anak. Hal ini telah dibuktikan oleh kajian Sears, Maccoby dan Levin (1957). Menurut pengkaji-pengkaji ini, kesan kepemimpinan ibu bapa ke atas personaliti dan tingkah laku anak-anak adalah bergantung kepada gaya yang diamalkan. Setiap ibu bapa menerapkan gayanya yang tersendiri bagi mempengaruhi tingkah laku anak-anak. Ini adalah kerana mereka percaya bahawa nilai dan praktik yang diamalkan oleh anak-anak tidak akan wujud dengan sendiri kecuali dipengaruhi oleh personaliti, nilai dan sikap ibu bapa yang diterapkan dalam gaya kepemimpinan mereka.

Terdapat pelbagai jenis gaya kepemimpinan yang diamalkan oleh ibu bapa yang boleh mempengaruhi konsep sendiri anak-anak mereka. Misalnya Sear, Maccoby dan Levin (1957) telah mengenal pasti tiga gaya kepemimpinan ibu bapa iaitu mesra, menggunakan pujian dan membenarkan keagresifan (*permissiveness to be aggressive*). Gaya kepemimpinan mesra, dingin dan menumpu telah dikemukakan oleh Roe (1964). Baldwin (1948) pula telah mengemukakan empat jenis gaya kepemimpinan ibu bapa yang boleh mempengaruhi tingkah laku anak-anak. Gaya kepemimpinan itu ialah demokrasi, kawalan, lebih kawalan-ada kebebasan, dan kurang kawalan-lebih kebebasan.

Kajian awal telah menunjukkan bahawa gaya kepemimpinan yang berbeza yang diamalkan oleh ibu bapa akan memperlihatkan konsep sendiri dan tingkah laku anak-anak yang berbeza juga. Kajian oleh McCord, Joan dan Howard (1961) dan Becker, Peterson, Zella, Shoemaker dan Hallemer (1962) telah menemui keputusan yang menunjukkan bahawa ibu bapa yang mendidik anak-anak melalui hukuman akan menyebabkan tingkah laku anak-anak itu menjadi agresif. Anak-anak juga akan menunjukkan tingkah laku yang bermusuhan sekiranya ibu bapa mengamalkan gaya kepemimpinan yang tegas (Finney, 1961). Penemuan dari kajian-kajian ini telah menunjukkan bahawa didikan yang berbentuk kawalan melampau akan menyebabkan anak-anak memberontak. Keputusan kajian Hoffman *et al.* (1960) juga telah menemui keputusan yang menunjukkan bahawa anak-anak yang matang sering ditemui dalam keluarga yang mana ibu bapanya mengamalkan gaya kepemimpinan yang tegas,

menggunakan alasan untuk menerangkan arahan dan menggalakkan anak-anak berdikari.

Berdasarkan penjelasan di atas, jelaslah bahawa gaya kepimpinan ibu bapa boleh menjadi pemboleh ubah yang memberi kesan kepada konsep kendiri dan pencapaian akademik remaja. Menerusi kajian ini, pengkaji ingin melihat sejauh mana konsep kendiri sebagai pemboleh ubah bebas memberi kesan kepada pencapaian akademik sebagai pemboleh ubah terikatnya tertakluk kepada gaya kepimpinan ibu bapa yang menjadi pemboleh ubah moderatornya.

4.0 KAEDAH KAJIAN

Seramai 687 orang pelajar tingkatan lima yang dipilih secara rawak dari beberapa sekolah menengah di Johor Bahru, Johor dipilih sebagai subjek kajian. Mereka telah memberikan respon kepada soal selidik *Tennessee Self Concept Scale* (TSCS) oleh Fitts (1965) dan Indek Topologi Amalan Didikan *Baumrind* (ITADB). TSCS mengandungi 100 item berserta dengan respon skala Likert 5 mata bermula dari keseluruhan benar hingga keseluruhan tidak benar. Instrumen ini mengukur lima konsep kendiri iaitu konsep kendiri keluarga, konsep kendiri peribadi, konsep kendiri moral/etika, konsep kendiri sosial, dan konsep kendiri fizikal. Kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah antara nilai alpha 0.62 hingga alpha 0.92 yang diperolehi dari kaedah ujian berulang. ITADB pula mempunyai 24 item juga berasaskan respon skala Likert 5 mata untuk mengukur tiga amalan didikan ibu bapa iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif. Kebolehpercayaan instrumen ini adalah berada pada nilai alpha 0.61 hingga nilai alpha 0.80. Pencapaian akademik pula diukur melalui peperiksaan akhir subjek kajian yang diambil dari pejabat sekolah.

5.0 KEPUTUSAN KAJIAN

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik regresi pelbagai. Bagi mengetahui keputusan sama ada gaya kepimpinan ibu bapa berfungsi sebagai moderator kepada hubungan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik golongan remaja, ia dilihat pada peningkatan secara signifikan nilai R^2 (*change*) pemboleh ubah interaksi. Pemboleh ubah interaksi ini diperolehi hasil dari pendaraban data konsep kendiri dengan data gaya kepimpinan ibu bapa. Kesignifikan kesan gaya kepimpinan ibu bapa terhadap hubungan antara konsep kendiri dan pencapaian akademik dilihat pada perubahan nilai R^2 (*change*) model penuh. Mengikut Cohen dan Cohen (1983) sekiranya nilai R^2 (*change*) model penuh berbeza secara signifikan daripada nilai R^2 (*change*) model asas, tetapi tidak dengan nilai R^2 (*change*) model terhad, maka pemboleh ubah yang diuji itu merupakan pemboleh ubah ramalan, bukannya pemboleh ubah situasi. Oleh itu, pemboleh ubah itu boleh menjadi pemboleh ubah situasi apabila nilai R^2 (*change*) model penuh juga berbeza secara signifikan dengan nilai R^2 (*change*) model terhad.

Jadual 1 Kesan gaya kepimpinan ibu bapa ke atas hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik

Gaya kepimpinan ibu bapa	Persamaan regresi	R ²	R ² (<i>change</i>)
Gaya kepimpinan autoritarian	Model asas	0.09	0.02
	Model terhad	0.11	0.01
	Model penuh	0.12	0.03 ⁺
Gaya kepimpinan permisif	Model asas	0.09	0.09 ^{**}
	Model terhad	0.18	0.05 ^{**}
	Model penuh	0.23	0.14 ^{+**}
Gaya kepimpinan autoritatif	Model asas	0.09	0.02
	Model terhad	0.11	0.01
	Model penuh	0.12	0.03 ⁺

** $p < 0.05$

Petunjuk:

R² = Sumbangan gaya kepimpinan ibu bapa kepada pencapaian akademik dan hubungan antara konsep sendiri dan pencapaian akademik.

R² (Change) = Perubahan dalam R² yang disebabkan oleh kemasukan faktor baru.

+ = Perubahan R² daripada persamaan 1 ke 3.

Daripada Jadual 1, keputusan yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa kedua-dua gaya kepimpinan autoritarian dan autoritatif ibu bapa tidak memainkan peranan sebagai pemboleh ubah moderator kepada hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik. Ini dapat dilihat pada nilai R² (*change*) yang didapati tidak signifikan. Nilai R² (*change*) bagi kedua-dua gaya kepimpinan autoritarian dan autoritatif ialah 0.03, $p < 0.05$.

Berlainan pula keputusan yang diperolehi bagi gaya kepimpinan permisif ibu bapa. Jangkaan awal kepada gaya kepimpinan ini ialah ianya tidak memberi kesan kepada hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik. Keputusan yang diterima didapati menolak jangkaan tersebut. Keputusan yang diperolehi menunjukkan gaya kepimpinan permisif ibu bapa memberi kesan kepada hubungan kedua-dua pemboleh ubah konsep sendiri dan pencapaian akademik (R² (*change*) = 0.14, $p < 0.05$). Justeru itu, hipotesis alternatif diterima dan menolak hipotesis nol.

Oleh kerana terdapat kesan penyederhana gaya kepimpinan permisif ibu bapa kepada hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik, maka analisis dilanjutkan dengan menggunakan statistik deskriptif untuk mendapat gambaran sebenar tentang bagaimana gaya kepimpinan permisif ibu bapa berinteraksi dengan konsep sendiri, untuk mempengaruhi pencapaian akademik. Kedua-dua markat gaya kepimpinan permisif ibu bapa dan konsep sendiri dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan tinggi dan rendah berdasarkan min markat. Ini boleh dilihat pada Jadual 2.

Jadual 2 Min markat pencapaian akademik mengikut kategori konsep kendiri dan gaya kepimpinan permisif ibu bapa


		Konsep kendiri	
		Tinggi	Rendah
Gaya kepimpinan permisif ibu bapa	Tinggi	59.52	64.05
	Rendah	49.43	59.63

Dari Jadual 2, dapat diketahui bahawa di kalangan remaja yang mempersepsikan ibu bapa sebagai rendah permisif, pencapaian akademik mereka secara keseluruhannya didapati lebih tinggi sekiranya mempunyai konsep kendiri yang tinggi. Sebaliknya, remaja yang mempunyai konsep kendiri yang rendah, memperoleh pencapaian akademik yang rendah juga walaupun ibu bapa mengamalkan gaya kepimpinan permisif yang rendah. Begitu juga remaja yang mempunyai konsep kendiri yang rendah, mereka memperoleh pencapaian akademik yang rendah pada gaya kepimpinan permisif ibu bapa yang tinggi. Pada gaya kepimpinan permisif ibu bapa yang tinggi, pencapaian akademik remaja lebih tinggi sekiranya mereka mempunyai konsep kendiri yang tinggi. Gambaran secara jelas tentang interaksi antara konsep kendiri dengan gaya kepimpinan permisif ibu bapa dan kesannya terhadap pencapaian akademik boleh dilihat pada Rajah 1.

Rajah 1 menunjukkan gambaran yang lebih jelas bagaimana gaya kepimpinan ibu bapa berinteraksi dengan konsep kendiri untuk memberi kesan kepada pencapaian akademik remaja. Keputusan menunjukkan subjek kajian yang mempunyai konsep kendiri yang tinggi, jika dilayan dengan gaya kepimpinan permisif ibu bapa boleh mencapai pencapaian akademik yang tinggi berbanding subjek kajian yang mempersepsikan konsep kendirinya secara rendah. Bagi subjek kajian yang mempersepsikan konsep kendiri secara rendah, gaya kepimpinan permisif ibu bapa kurang memberi sumbangan kepada pencapaian akademik.

6.0 PERBINCANGAN

Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa kedua-dua tingkah laku kepimpinan autoritarian dan autoritatif ibu bapa tidak berperanan sebagai moderator kepada hubungan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik remaja. Bagi gaya kepimpinan autoritarian, keputusan kajian yang diperolehi ini menunjukkan bahawa amalan didikan yang menekankan kepada disiplin, kepatuhan, kuasa, tinggi kawalan dan kurang berkomunikasi lisan dengan anak, kurang memupuk minat remaja ini kepada pelajaran walaupun mereka menanggapi diri mereka secara positif.



Rajah 1 Hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik remaja di bawah kepimpinan ibu bapa yang kurang permisif dan tinggi permisif

Keputusan yang serupa juga diperolehi bagi gaya kepimpinan autoritatif. Bagi ibu bapa ini, gaya kepimpinannya yang mementingkan sifat terbuka, kehendak autonomi serta kesesuaian disiplin yang menjadi pegangannya juga tidak mampu meningkatkan pencapaian akademik remaja yang mempunyai konsep sendiri sama ada tinggi ataupun rendah.

Oleh kerana kedua-dua tingkah laku authoritarian dan autoritatif tidak berpengaruh kepada pencapaian akademik, golongan remaja perlu memupuk konsep sendiri yang tinggi terhadap pelajaran sekiranya ingin berjaya. Dalam erti kata lain, remaja ini perlu mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi. Remaja yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi akan berusaha sendiri untuk berjaya dalam pelajaran tanpa dipengaruhi oleh kedua-dua gaya kepimpinan authoritarian atau autoritatif ibu bapa.

Berlainan dengan gaya kepimpinan permisif ibu bapa. Keputusan kajian menunjukkan bahawa gaya kepimpinan permisif ibu bapa mempunyai kesan terhadap hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik. Dengan lain perkataan, interaksi gaya kepimpinan permisif ibu bapa dengan konsep sendiri boleh memberi kesan kepada pencapaian akademik remaja. Dapatan kajian menunjukkan gaya kepimpinan ibu bapa yang menekankan amalan didikan berbentuk lebih menerima dan menyetujui desakan naluri, keinginan, dan perbuatan remaja dan lebih menggalakkan remaja menggunakan kemampuan diri sebagai sumber untuk

mencapai sesuatu yang diinginkan, akan memberi sokongan dan dorongan kepada remaja untuk melahirkan keinginan mereka yang selama ini dipendam oleh persepsi mereka yang negatif terhadap diri sendiri. Dengan ini, remaja akan mendapat wawasan daripada ibu bapa tentang kekurangan dan kelemahan yang ada pada diri mereka dan dengan kesedaran sedemikian, remaja akan mempergiatkan usaha untuk mengubah diri sendiri. Secara tidak langsung, ini akan membantu remaja mencapai prestasi yang tinggi dalam akademiknya.

Walau bagaimanapun, apabila gaya kepimpinan permisif ibu bapa ini dilihat secara berbeza, iaitu kurang permisif dan lebih permisif ke atas konsep sendiri remaja yang berbeza, iaitu tinggi atau rendah, ia boleh memberi kesan yang berbeza juga ke atas pencapaian akademik remaja. Remaja yang menanggapi konsep sendiri sama ada secara tinggi atau rendah seperti bersifat tidak dapat mengawal diri, impulsif, kurang berdikari, dan tidak berupaya membuat keputusan, mereka masih boleh meningkatkan pencapaian akademik walaupun berada dalam suasana kepimpinan ibu bapa yang kurang permisif, iaitu tidak sepenuhnya memberi kebebasan mengatur aktiviti hariannya, mengenakan sedikit kawalan, dan menggunakan sedikit kuasa semasa mendidik. Sebaliknya apabila konsep sendiri remaja yang tinggi atau rendah ini dihubungkan dengan gaya kepimpinan ibu bapa yang lebih permisif, keputusan kajian yang diperolehi memperlihatkan pencapaian akademik remaja adalah masih rendah.

Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan ibu bapa yang lebih permisif yakni membenarkan kebebasan, kurang kawalan, dan tiada ada galakan bagi memastikan remaja mereka mematuhi piawaian, apabila diamalkan kepada remaja yang mempunyai konsep sendiri sama ada tinggi atau rendah boleh menyebabkan remaja itu lalai, suka memikirkan perkara yang sangat sukar untuk dibincangkan, selalu mengubah fikirannya dan melakukan sesuatu tanpa berfikir terlebih dahulu. Remaja itu juga mudah terpengaruh oleh anasir-anasir luar seperti terjerumus dalam penggunaan dadah atau menyertai kumpulan-kumpulan sosial yang tidak diiktiraf oleh masyarakat. Semuanya boleh memberi kesan kepada akademiknya iaitu pencapaian akademiknya menjadi rendah. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Baumrind (Dornbusch, 1987) iaitu anak-anak yang dipimpin oleh ibu bapa yang lebih permisif akan memperlihatkan tingkah laku yang kurang matang, kurang impuls kawalan dan kepercayaan tentang diri, tidak bertanggungjawab dan tidak berdikari. Dari segi kebolehan sosial dan kognitif pula, anak yang di bawah pimpinan ibu bapa sedemikian didapati rendah dalam kedua-dua aspek tersebut.

Remaja yang dipimpin oleh ibu bapa dengan gaya kepimpinan kurang permisif didapati mempunyai pencapaian akademik yang semakin meningkat jika konsep sendiri mereka semakin tinggi. Ini adalah kerana remaja yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi adalah lebih yakin tentang diri mereka dan mempunyai nilai diri yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan mereka yang mempunyai konsep sendiri yang rendah. Hubungan yang positif antara faktor keyakinan dan nilai diri dengan pencapaian akademik menyokong kajian Beiley (1864), manakala hubungan di antara

konsep sendiri dengan persepsi remaja terhadap diri mereka disokong oleh kajian Richmon (1984).

Umumnya, remaja yang mempunyai persepsi terhadap diri secara tinggi biasanya akan memperlihatkan sikap yang lebih positif terhadap pelajaran. Mereka akan menganggap sekolah sebagai tempat yang menyediakan berbagai kemudahan dan memperolehi pengetahuan. Remaja ini lebih mudah meningkatkan pencapaian akademik mereka sekiranya disokong oleh gaya kepimpinan ibu bapa di rumah (Richmon 1984). Oleh yang demikian, ibu bapa adalah disarankan supaya mengamalkan gaya kepimpinan permisif supaya boleh membantu remaja mempertingkatkan prestasi pencapaian akademik mereka.

7.0 KESIMPULAN

Secara umumnya kajian ini dijalankan untuk menguji sama ada gaya kepimpinan ibu bapa yang terdiri dari gaya autoritarian, autoritatif dan permisif memainkan peranan sebagai pemboleh ubah penyederhana untuk memberi kesan kepada hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik. Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan kedua-dua gaya kepimpinan autoritarian dan autoritatif tidak boleh berperanan sebagai pemboleh ubah penyederhana kerana tiada kesannya ke atas hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik. Gaya kepimpinan permisif ibu bapa didapati memberi kesan kepada hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik remaja. Daripada keputusan yang diperolehi ini, satu rumusan umum yang boleh dibuat ialah, untuk menghasilkan remaja yang mempunyai pencapaian yang tinggi, ibu bapa haruslah mengamalkan gaya kepimpinan permisif.

RUJUKAN

- Anderson, K. L. 1980. Educational Goals of Male and Female Adolescents: The Effects of Parental Characteristics and Attitudes. *Youth Society*. 12(2).
- Atan Long. 1978. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Bailey, R. C. 1964. Self-Concept Reference in Low and High Achieving Students. *Journal of Clinical Psychology*. 27.
- Baldwin, A. L. 1949. The Effect of Home Environment on Nursery School Behavior. *Child Development*. 20: 49-61.
- Baumrind, D. 1989. Parental Disciplinary Pattern And Social Competence in Children. *Youth and Society*. 9: 230-276.
- Baumrind, D. 1989. Parenting Styles and Adolescent Development. Dlm J. Brooks-gunn, R., R, Lerner, dan A. C. Peterson (eds). *The Encyclopedia of Adolescence*. New York: Garland.
- Becker, W. C., D. R. Peterson, Z. Luria, D. J. Shoemaker., dan L. A. Hellmer. 1962. Relation of Factors Derived from Parent Interview Ratings to Behavior or Problem of Five Years Olds. *Child Development*. 33.
- Burns, R. B. 1975. Attitudes to Self and to Three Categories of Others in a Student Group. *Education Studies*. 1: 181-189.
- Cooley, C. H. 1902. *Human Nature and the Social Order*. New York: Guilford.
- Dornbusch, S. M., P. L. Ritter, P. N. Leierman, D. F. Robert., dan M. J. Fraleigh. 1987. The Relation of Parenting Style to Adolescent School Performance. *Child Development*. 58: 1244-1257.
- Fitts, H. F. 1965. *Manual Tennessee Self-concept Scale*. Counselor Recording and Test. Washrille. Tennessee.
- Goh Lee Tsin. 1989. Hubungan antara Pengamatan Pekerja Terhadap Bentuk Amalan Didik Anak dengan Prestasi

- Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Latihan Ilmiah*. UKM.
- Jersild, A. T. 1987. *The Psychology of Adolescent*. New York: MacMillian Publishing Co.
- Maqsd, M., dan S. Rouhani. 1991. Relationship between Socioeconomic Status, Locus of Control, Self-concept and Academic Achievement of Batswana Adolescents. *Journal of Youth and Adolescence*. 24(93).
- Mboya, M. M. 1986. Black adolescents: A Descriptive Study of Their Self-concept and Academic Achievement. *Adolescence*. 21(83).
- Mboya, M. M. 1986. The Relative Importance of Global Self-concept and Self-concept of Academic Ability in Predicting Academic Achievement. *Adolescence*. 24(93).
- Mead, G. H. 1934. *Mind, Self, and Society*. Chicago: University of Chicago Press.
- Mwemwenda, T. S., dan B. B. Mwamwenda. 1987. Self-concept and Academic Achievement in Botswana Primary School – Leaving Examination. *Perceptual and Motor Skills*. 65(1).
- Nihira, K., I. T. Mink., dan C. E. Meyer. 1985. Home Environment and Development of Slow Learning Adolescents: Reciprocal Relation. *Developmental Psychology*. 21(5).
- Pope, A. W., S. M. Mc Hale., dan W. E. Craighead. 1988. *Self Esteem Enhancement with Children and Adolescents*. Oxford: Pegamon Press.
- Richmon, M. J. 1984. The Self-concept of Academically Able and Less Able Children in a Comprehensive School- A Comparative Study. *Remedial Education*. 19(2).
- Roe, A., dan M. Siegelmen. 1964. *The Origin of Interest*. Washington: American Personal Guidance Association.
- Rogers, D. 1969. *Issues in Child Psychology*. Belmont. California: Brooks/Wadsworth Publishing Company, Inc.
- Sear, R. R., E. P. Maccoby., dan H. Levin. 1957. *Patterns of Child Rearing*. New York: Harper and Row.